



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 40/2010 (3 hingga 9 Oktober 2010)

Bagi tempoh 3 hingga 9 Oktober 2010, sejumlah 911 kes demam denggi telah dilaporkan, penurunan sebanyak 2 kes berbanding 913 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah ini adalah 359 atau 65% lebih tinggi berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sama tahun 2009 iaitu 552 kes. Enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas iaitu Terengganu meningkat 35 kes, Johor 33 kes, Sabah 11 kes, Melaka 3 kes, manakala Kedah dan Sarawak masing-masing meningkat sebanyak 2 kes (Lampiran A).

Jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 9 Oktober 2010 ialah sebanyak 38,330 kes iaitu peningkatan kes sebanyak 18% atau 5,770 kes berbanding dengan 32,560 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 62% atau 45 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 117 kematian berbanding 72 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009. Tiada kematian dilaporkan pada minggu lepas.

Sejumlah 228 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 35 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 480 kes Demam Denggi (Lampiran

C). Lokaliti hotspots ini juga masih melaporkan sebanyak 99 kes baru pada minggu tersebut. Dua puluh (20) atau 57% daripada 35 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D). Hanya 7 atau 20% daripada 35 lokaliti *hot spots* ini telah menjalankan aktiviti gotong-royong. Hasil pemantauan KKM mendapati 89% daripada bekas pembiakan Aedes yang diperiksa adalah di dapati di luar premis. Bekas-bekas utama yang mempunyai pembiakan Aedes adalah pasu bunga, tong plastik, bekas plastik, baldi dan tayar.

Pengaktifan Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah lanjutan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh Y.A.B.Timbalan Perdana Menteri pada 20 September 2010, telah dipanjangkan kepada semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta semua Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah. Sehingga kini sebanyak 24 daripada 34 daerah yang mengalami wabak telah mengaktifkan Jawatankuasa Wabak Denggi.

Bagi pemilik premis yang membiarkan rumah mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes, tindakan kompaun maksimum RM500 akan dikenakan terhadap mereka. Sehingga bulan Ogos tahun 2010, sejumlah 10,476 Perintah Notis dan 16,427 kompaun telah dikeluarkan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, bernilai RM 3,302,049.00. Sejumlah 930 kes telah dibawa ke mahkamah dan 301 kes telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah, dengan nilai denda sebanyak RM 97,850.00.

Dalam mempertingkatkan lagi penyampaian maklumat dan mesej bahaya demam denggi, pihak Kementerian Kesihatan telah melancarkan Kempen Media Pencegahan Denggi. Bagi minggu ini, bermula dari 11

hingga 17 Oktober sebanyak 185 iklan televisyen akan ditayangkan di semua stesen televisyen. Sebanyak 108 iklan akan disiarkan radio dan 13 sisipan iklan pula akan disiarkan di akhbar. Pihak Kementerian Kesihatan berharap dengan kekerapan iklan di media ini boleh meningkatkan kesedaran dan mendorong masyarakat mengubah tingkahlaku untuk mengambil tindakan segera bagi mencegah demam denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 3 hingga 9 Oktober 2010, hanya satu (1) kes dilaporkan, iaitu dari P.Pinang, berbanding 2 kes bagi tempoh yang sama minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 780 kes, penurunan sebanyak 78% atau 2,709 kes berbanding dengan 3,489 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (Lampiran B).

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

13 Oktober 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2010
(3 hingga 9 Oktober 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2009
		Minggu 40 (3 - 9 Okt 2010)	Minggu 39 (26 Sep – 2 Okt 2010)		
1	Perlis	4	7	160	169
2	Kedah	13	11	623 (3)	635
3	P. Pinang	51	62	1,297 (5)	2,025
4	Perak	40	48	1,851 (5)	2,516 (2)
5	Selangor	181	190 (1)	14,121 (40)	15,793 (44)
6	WPKL & Putrajaya	52	69	3,547 (6)	3,037 (8)
7	N. Sembilan	10	11	1,399 (7)	742 (5)
8	Melaka	66	63 (1)	1,058 (11)	678 (3)
9	Johor	151	118	3,426 (10)	2,023 (3)
10	Pahang	30	38 (2)	1,179 (3)	707 (2)
11	Terengganu	99	64 (1)	1,017 (2)	807
12	Kelantan	101	132	3,096 (11)	906 (1)
13	Sarawak	69	67	3,703 (13)	1,662 (1)
14	Sabah	44	33	1,837 (1)	838 (3)
15	WP Labuan	0	0	16	22
	MALAYSIA	911	913 (5)	38,330 (117)	32,560 (72)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2010
(3 hingga 9 Oktober 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 40/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 40/2009
		Minggu 40 (3 – 9 Oktober 2010)	Minggu 39 (26 Sep – 2 Okt 2010)		
1	Perlis	0	0	0	33
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	1	1	5	328
4	Perak	0	0	3	401
5	Selangor	0	0	26	419
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	93
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	7	157
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	58
12	Kelantan	0	0	2	432
13	Sarawak	0	1	538	664
14	Sabah	0	0	186	18
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	1	2	780	3,489

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 40
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Shah Jaya	7	50
2	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves Z2	14	48
3	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	11	45
4	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Zamrud	6	44
5	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah	7	44
6	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	13	38
7	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	7	35
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Selamat Kg Sg Ramal Dalam	13	35
9	SELANGOR	Gombak	Taman Greenwood	6	32
10	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	22	108
11	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	25	96
12	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	24	71
13	JOHOR	MPPG	Taman Mawar	13	60
14	JOHOR	MBJB	Apartment Sri Wangi	12	86
15	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa Jln Beladai 33.43	7	45
16	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa Jln Badik	10	46
17	JOHOR	MBJB	Kawasan Industri Tampoi.	11	43
18	JOHOR	MPPG	Taman Scientex Jln Kijang	7	84
19	JOHOR	MPPG	Taman Scientex, Jln. Helang	17	39
20	JOHOR	MBJB	Taman Rinting, Jln. Balau	12	40
21	JOHOR	MPJBT	Taman Bkt Jaya Jln Denai	7	37
22	JOHOR	Kluang	Yap Tau Sah	14	36
23	JOHOR	Kluang	Taman Intan	15	33

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
24	JOHOR	MBJB	Kg Stulang Baru	9	36
25	JOHOR	MPJBT	Taman Mesra	5	31
26	MELAKA	Melaka Tengah	Kg. Lapan Tengker	31	67
27	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Kenanga Seksyen1	26	57
28	MELAKA	Melaka Tengah	Kg Limbungan	13	41
29	WPKL	Kepong	Kepong Baru (Jln Bangau,Jln Kelicap, Jln Helang,Jln Bungur)	5	44
30	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Simpang 4 Chendering	43	63
31	TERENGGANU	K.Terengganu	Flat Polis Padang Hiliran	29	51
32	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Gong Pak Maseh	15	43
33	PERLIS	Kangar	Taman Singgahsana	8	49
34	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Uda Murni	10	40
35	P.PINANG	Timur Laut	Taman Utara, Batu Uban	6	30

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 40
BAGI TAHUN 2010
(3 hingga 9 Oktober 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	JOHOR	MPJBT	Taman Putri Wangsa Jln Badik	21.0	27
2	JOHOR	MPPG	Taman Scientex, Jln Kijang	13.6	14
3	JOHOR	MBJB	Kawasan Industri Tampoi	13.4	31
4	JOHOR	MBJB	Kg. Stulang Baru	10.7	14
5	SELANGOR	GOMBAK	Taman Greenwood	9.1	9
6	SELANGOR	GOMBAK	Kg Selayang Indah	8.7	9
7	MELAKA	MELAKA TENGAH	Kg. Lapan Tengker	6.9	7
8	WP KL	KEPONG	Kepong Baru (Jln Bangau, Jln Kelicap, Jln Helang, Jln Bungur)	5.8	6
9	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	5.6	8
10	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	5.0	5
11	TERENGGANU	K. TERENGGANU	Kg. Simpang 4 Chendering	4.7	8
12	TERENGGANU	K. TERENGGANU	Kg. Gong Pak Maseh	3.6	4
13	SELANGOR	GOMBAK	Taman Pinggiran Batu Caves	3.4	3
14	JOHOR	MPJBT	Taman Bkt Jaya, Jln Denai	3.4	3
15	PULAU PINANG	TIMUR LAUT	Taman Utara, Batu Uban	3.2	3
16	MELAKA	MELAKA TENGAH	Taman Kenanga Seksyen 1	3.0	3
17	SELANGOR	HULU LANGAT	Jln Selamat Kg Sg Ramal Dalam	2.6	5
18	JOHOR	KLUANG	Taman Intan	1.8	2
19	PERLIS	KANGAR	Taman Singgahsana	1.8	5
20	JOHOR	KLUANG	Yap Tau Sah	1.3	11